

Gereja St. Patrick, Tawau  
Sejak 1917

15 Mac 2026

Membina gereja sel yang kuat  
iaitu berpusat kepada Kristus,  
transformasi hidup,  
melengkapi mereka yang diselamatkan,  
menginjil jiwa yang hilang dan  
komited kepada misi.

YEAR OF  
**AWAK BANGUN**  
苏醒 KEBANGUNAN

#### BISYOP DIOSIS

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

#### BISYOP SUFFRAGAN

- **Diosis Kawasan Timur Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Datuk Melter Jiki Tais

- **Diosis Kawasan Barat Diosis Sabah**

The Rt. Revd. Kenneth Thien

- **Diosis Kawasan Selatan Diosis Sabah**

The Rt. Revd. John Yeo

#### REKTOR

The Rt. Revd. John Yeo

#### PEMBANTU REKTOR

Revd. Ho Kee Chung

#### PADERI/PASTOR

Revd. Samamadin Uloi

Revd. Robert Chin (Sukarela)

Revd. Chung Thau Yong (Sukarela)

Revd. Dr. Moses O. Afful Jr. (Sukarela)

Ps. Teh Chong Lay (Sukarela)

#### ZON BI: REV. NELSON TAI ZUN BIN

- **Dewasa:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Belia:** Revd. Richard Tai Shaw Jiun

- **Muda-Mudi:** Revd. Nelson Tai Zun Bin

- **Kanak-Kanak:** Doris Chin

#### ZON BC: REV. HO KEE CHUNG

- **Dewasa:** Revd. Ho Kee Chung

- **Belia:** Alan Chung

- **Muda-Mudi:** Yvonne Lee

- **Kanak-Kanak:** Chan Mei Yong

- **Warga Emas:** Kok Feh Ken

#### ZON BM:

- **Paderi Penasihat:**

Revd. Samamadin Uloi

- **SPC:** Revd. Anzen Daud

Revd. Fredoline Babiah

- **PJA:** Revd. Majelus Majar

- **Dewasa:** Revd. Anzen Daud

- **Belia:** Danny Daniel

- **Muda-Mudi:** Sendi Yunus

- **Kanak-kanak:** Meros Majar

#### PELAYANAN SOKONGAN

- **Penjagaan & Kasih:**

Alex Wong Chun Sang

- **Kaunseling:** Ps. Lim Bun Hui

- **Sistem Bunyi:** Jackson Samuel

- **Doa:** Chu Sui Fun

- **Pasukan Pujian:** Esther Hoo

- **Pusat Sumber:** Jeanie Hiew

#### STAF PENTADBIRAN

- **PA Rektor:** Annie Chiew

- **Pentadbiran:** Margaret Khong

- **Penyelenggaraan:**

Rommel Lumantas

- **Pengangkutan:**

Rommel Lumantas

- **Kebersihan:** Margaret Khong

#### GEREJA MISI

- **Tarakan**

Revd. Jakobus Chong

Revd. Roy Nol Simon

- **Nunukan, Sei Menggaris, Sebakis**

Revd. Martin Ataring

Revd. Ferdinan Atonis

Ps. Christinah Simon

## Mesej Rektor



## PENYEMBUHAN DALAM GEREJA MASA KINI

*Kalau ada seorang di antara kamu yang sakit,  
baiklah ia memanggil para penatua jemaat,  
supaya mereka mendoakan dia serta  
mengolesnya dengan minyak dalam nama  
Tuhan. Dan doa yang lahir dari iman akan  
menyelamatkan orang sakit itu dan Tuhan akan membangunkan  
dia; dan jika ia telah berbuat dosa, maka dosanya itu akan  
diampuni. (Yakobus 5:14-15)*

Penyembuhan adalah salah satu cara Allah menyatakan kuasa dan anugerah-Nya dalam gereja. Penekanannya berasaskan belas kasihan Tuhan terhadap dunia yang telah rosak ini. Penyembuhan secara supranatural terjadi melalui penebusan Kristus dan pekerjaan Roh Kudus. Alkitab mengajar bahawa apabila orang percaya berdoa dengan iman dalam Nama Yesus, penyembuhan akan berlaku.

Penyembuhan ilahi harus difahami dalam konsep "sudah tetapi belum sepenuhnya" bagi Kerajaan Allah. Penyembuhan boleh berlaku pada hari ini kerana Kerajaan Allah (pemerintahan Allah) ada di tengah-tengah kita. Oleh yang demikian, kuasa dan penyembuhan Allah tersedia bagi semua yang mencari Dia untuk penyembuhan. Namun, Alkitab juga mengajar bahawa Kerajaan Allah hanya akan digenapi atau dinyatakan sepenuhnya apabila Kristus datang kembali.

Muka surat seterusnya...

Alamat: P.O. Box 279, 91007 Tawau, Sabah.

Tel: 089-772212 (Pejabat Gereja)

Email: spctawau@gmail.com | Laman Web: <https://www.hoprayer.org.my>

dari muka surat sebelah...

Hal ini menjelaskan sebab tidak semua doa dapat melihat hasilnya dengan serta-merta. Oleh yang demikian, meskipun gereja digalakkan untuk berdoa bagi penyembuhan, kita juga mengakui kedaulatan Allah - bahawa Dia menyembuhkan sesuai dengan kehendak-Nya dan pada waktu yang Dia kehendaki. Apabila doa untuk penyembuhan belum dijawab, kita harus terus bertekun dalam iman dan kepercayaan tanpa ada rasa bersalah atau membuat sebarang andaian.

Akhirnya, Alkitab mengajar bahawa karunia penyembuhan tidak terhad kepada beberapa "penyembuh" yang terpilih, tetapi mengalir daripada orang percaya yang menggunakan kuasa yang diberikan oleh Kristus (Lukas 9:1-2; 10:9). Marilah kita terus mengamalkan keistimewaan yang diberikan Allah dengan mendoakan mereka yang memerlukan penyembuhan dan mempercayai kedaulatan Allah untuk melakukan sesuai dengan kehendak-Nya.

### **PERPINDAHAN PADERI**

Rev. Samamadin Uloi akan mula melayani di Gereja Kristus Domba Allah, BSI berkuat kuasa 15 Mac 2026. Kita bersyukur untuk pelayanan beliau di Gereja St. Patrick selama 5 tahun. Mohon dukung beliau dan seluruh keluarga dalam doa anda.

# **Berita**

### **NOTIS**

1. Semua Pemimpin Sel Dewasa, Belia dan Muda-Mudi sila tinggal sebentar selepas kebaktian hari ini.
2. Kelompok Sel Dewasa, Belia dan Muda-Mudi direhatkan pada minggu ini. (15 - 21 Mac 2026).

### **MENARA DOA**

**16 Mac 2026 (Isnin)  
7:30malam | Gereja St. Patrick**

### **LATIHAN PEMIMPIN SEL**

**Setiap hari Selasa  
Selama 4 minggu  
7:30malam**

- ◇ Dewasa: Bilik Joy
- ◇ Belia: Bilik Conference
- ◇ Muda-Mudi: Bilik Faith
- ◇ Kanak-Kanak: Bilik Hope

### **PERJAMUAN KUDUS DI RUMAH**

**18 Mac 2026 (Rabu)  
8:00pagi | Gereja St. Patrick**

### **KELAS PENETAPAN**

**Setiap hari Rabu  
7:30malam | Bilik Joy**

Anda boleh dapatkan buku pelajaran Permulaan Tepat 1, 2 & 3 (RM6 senaskah) di Pusat Sumber.

# Gereja

## **MINGGU KUDUS**

### **1. Minggu Palma**

29 Mac 2026 (Ahad)

(Kita akan buat daun Palma bersama-sama semasa kebaktian)

### **2. Stesen Salib**

7:30malam - 9:30malam

30 Mac 2026 (Isnin) -

Zon BC (SPC) & BM (HOP & PJA)

31 Mac 2026 (Selasa) -

Zon BI (SPC) & BM (HOP & PJA)

01 April 2026 (Rabu) -

Zon BM (HOP, SPC & PJA)

### **3. Khamis Putih**

02 April 2026 (Khamis)

(Mengikut zon dan kelompok sel)

### **4. Jumaat Agung**

03 April 2026 (Jumaat)

12:30tengah hari - 3:30petang

Rumah Doa

### **5. Paskah**

05 April 2026 (Ahad)

11:00pagi - 1:30petang

Rumah Doa

## **BAHAN DOA**

- Agar rakyat Iran dan negara-negara sekitarnya membuka hati untuk menerima Injil, dan terjadinya tuaian besar jiwa-jiwa yang terhilang. (Matius 9:37-38).
- Agar mereka yang berkuasa dan para pemimpin kerajaan di seluruh Timur Tengah diberikan hikmat dan kejelasan moral, sehingga dapat mencapai penyelesaian yang damai. (1 Timotius 2:1-4).

## **BERJALAN BERSAMA TUHAN MELALUI 40 HARI PUASA**

Tahun ini, kami ingin mendorong jemaah untuk membaca Perjanjian Baru sepanjang 40 hari, diakhiri dengan renungan setiap hari menggunakan 3 pertanyaan yang sama.

### **Hari 23-28: Surat Paulus (Kehidupan & Doktrin Kristian)**

- ◇ 16/3 (Hari 23) - 1 Korintus 1-7
- ◇ 17/3 (Hari 24) - 1 Korintus 8-14
- ◇ 18/3 (Hari 25) - 1 Korintus 15-16 & 2 Korintus 1-4
- ◇ 19/3 (Hari 26) - 2 Korintus 5-13
- ◇ 20/3 (Hari 27) - Galatia 1-6, Efesus 1
- ◇ 21/3 (Hari 28) - Efesus 2-6 & Filipi 1-2

### **Soalan Renungan Harian**

1. Ayat manakah daripada Firman Tuhan sedang berbicara kepada hatiku?
2. Adakah dosa atau kebiasaan yang Tuhan memanggilku untuk bertaubat?
3. Janji Tuhan apakah yang boleh kupegang dalam doa hari ini?

## **PEMBERIAN PERSEMBAHAN**



Persepuluhan

Persembahan

## **PINDAHAN DALAM TALIAN**

⇒ Public Bank: 3091827035

Sila hantar salinan slip ke **011-59954101**

**Cek: St. Patrick's Church, Tawau**

# DIBANGUNKAN UNTUK MELIHAT YESUS

## LUKAS 18:35-48

### 1. Keperluan yang mendesak

Lukas 18:35-38 - Waktu Yesus hampir tiba di Yerikho, ada seorang buta yang duduk di pinggir jalan dan mengemis. Waktu orang itu mendengar orang banyak lewat, ia bertanya: "Apa itu?" Kata orang kepadanya: "Yesus orang Nazaret lewat." Lalu ia berseru: "Yesus, Anak Daud, kasihanilah aku!"

### 2. Iman yang teguh

Lukas 18:39 - Maka mereka, yang berjalan di depan, menegor dia supaya ia diam. **Namun semakin keras ia berseru: "Anak Daud, kasihanilah aku!"**

### 3. Pemulihan yang menyeluruh

Lukas 18:43 - **Dan seketika itu juga melihatlah ia, lalu mengikuti Dia** sambil memuliakan Allah. Seluruh rakyat melihat hal itu dan memuji-muji Allah.

### Penerapan Firman Tuhan

1. Ketika seseorang menghadapi kesakitan, kesukaran atau kekecewaan, apakah reaksi yang biasa ditunjukkan oleh manusia? Bagaimanakah penderitaan boleh menjadi peluang yang membangunkan kita untuk mencari Tuhan dengan lebih mendalam?
2. Apakah perkara-perkara yang boleh menyebabkan kita menjadi tawar hati atau berhenti berdoa dan percaya kepada Tuhan? Dalam kehidupan seharian, apakah yang dimaksudkan dengan "memiliki iman yang teguh"?
3. Menerima pertolongan Tuhan dan mengikuti Yesus setelah mengalami kasih karunia-Nya adalah penting. Apakah perkara-perkara yang boleh anda lakukan untuk membangunkan diri supaya dapat melihat Yesus dengan lebih jelas dan mengikut Dia?